

# Beri Anwar peluang hingga habis penggal

UM-16/12/2021

**ARAU:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim perlu diberi peluang membuktikan kemampuannya sehingga habis penggal manakala ahli-ahli Dewan Rakyat perlu mengelak daripada melakukan tindakan atau usaha yang boleh menjatuhkan kerajaan.

Pada masa sama, Anwar juga dilihat tidak menghadapi masalah untuk mendapat sokongan ahli Parlimen menerusi usul undi percaya dalam sidang khas Parlimen Isnin ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, penganalisis politik dari Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Dr. Rusdi Omar berkata, Anwar sudah pastinya sedar bahawa beliau bakal mendapat sokongan majoriti sehingga dua pertiga ahli-ahli Parlimen dan kerana itu beliau yakin mengusulkan sendiri undi percaya itu.

Katanya, undi percaya tersebut hanya untuk mengesahkan keabsahan Anwar sebagai Perdana Menteri yang mendapat sokongan.

Ujarnya, Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional (BN), Gabungan Parti Sarawak dan Gabungan Rakyat Sabah (GRS) serta Warisan sudah pastinya akan memberi sokongan penuh kepada Perdana Menteri itu.

"Ahli-ahli Parlimen sama ada pembangkang atau yang tidak bersama Anwar sekali pun sebaik-baiknya elak daripada melakukan sebarang usaha menjatuhkan kerajaan.



m/s: 4

**Jika tidak berpuas hati dengan prestasi beliau, tukarlah pada PRU16."**

Pengalaman lalu sehingga menyaksikan kerajaan dan Perdana Menteri bertukar beberapa kali menyebabkan rakyat menjadi muak.

"Bagi peluang kepada Anwar memimpin negara untuk penggal ini dan jika tidak berpuas hati dengan prestasi beliau, tukarlah pada Pilihan Raya Umum Ke-16 (PRU16)," katanya.

Kelmarin, *Utusan Malaysia* melaporkan Anwar yakin beliau mendapat sokongan dua pertiga ahli-ahli Dewan Rakyat dalam sidang khas Parlimen pada Isnin ini.

Kata Perdana Menteri itu, keyakinan tersebut berdasarkan komitmen yang diberikan ketua-ketua parti seperti Pakatan Harapan (PH), BN, Gabungan Parti Sarawak dan Gabungan Rakyat GRS serta Warisan.

Justeru, Anwar yakin akan dapat meneruskan pentadbiran kerajaan dengan baik daripada sokongan majoriti dua pertiga ahli Parlimen menerusi usul undi percaya menjelang Sidang Khas Parlimen yang diusulkan sendiri Anwar selepas dilantik Perdana Menteri.